



Ruj. Kami : NIOSH/04/O5/IKS/2017 ()
Tarikh : 07 Disember 2017

Kepada Yang Berkenaan,

Tuan / Puan,

JEMPUTAN SEBAGAI PESERTA BAGI SEMINAR PENGURUSAN KKP DI SEKTOR INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) 2017 PERINGKAT NEGERI PERAK ANJURAN NIOSH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa NIOSH akan mengadakan **Program Seminar Pengurusan KKP di Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 2017 separuh hari** di Ipoh, Perak.

Tujuan Program Seminar Pengurusan KKP di Sektor Industri Kecil dan Sederhana ini dijalankan adalah bagi memenuhi keperluan di dalam Perancangan Strategik Aktiviti Teras NIOSH 2017-2020 untuk melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat di sektor IKS. Ia juga untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan bahawa keselamatan adalah agenda utama dalam semua aspek di tempat kerja serta mewujudkan budaya selamat dan sihat ketika berada di tempat kerja, bersama keluarga dan komuniti setempat.

Sehubungan itu, pihak NIOSH ingin menjemput Tuan / Puan untuk menghadiri sebagai peserta di dalam Program Seminar Pengurusan KKP di sektor IKS tersebut. Butiran program adalah seperti berikut:-

Tarikh	: 14 Disember 2017 (Khamis)
Masa	: 8.00 am – 1.00 pm
Tempat	: Kinta Riverfront Hotel & Suites Ipoh, Perak
Yuran	: Percuma (Sijil Kehadiran akan diberikan)

Bersama-sama ini disertakan Brosur Program dan borang persetujuan untuk rujukan pihak Tuan / Puan. Segala kerjasama dari pihak Tuan / Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai yang bertugas Cik Nur Mariah Musa di talian 03 – 8911 3869 / 018-236 3338.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ZARINA AHMAD YUSOP

Pengurus

Bahagian Penyebaran Maklumat



SEMINAR PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKTOR INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

- Aktiviti kesedaran dan pencegahan kemalangan di tempat kerja adalah aktiviti yang berterusan. Pihak Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOASH) adalah institusi yang membantu Kerajaan bagi mengurangkan kadar kemalangan dan penyakit di tempat kerja serta mewujudkan persekitaran kerja bebas kemalangan.
- Seminar Pengurusan KKP di IKS ini dicadangkan untuk dilaksanakan selama 1/2 hari. Melalui pelaksanaan seminar ini, para peserta iaitu pengusaha kilang/pekerja/usahawan IKS akan didedahkan tentang pengetahuan asas terhadap keperluan undang-undang KKP seperti tanggungjawab pekerja dan majikan, jawatankuasa dan polisi keselamatan dan kesihatan, isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti ergonomik, kekemasan tempat kerja, peralatan perlindungan keselamatan, HIRARC dan lain-lain yang berkaitan dengan KKP.
- Seminar Pengurusan KKP ini adalah salah satu aktiviti penyebaran maklumat yang efektif di dalam mempertingkatkan kesedaran pekerja terhadap isu semasa dan tanggungjawab pekerja dan majikan.
- Kesedaran melalui program ini akan menggalakkan majikan mempertingkatkan kemahiran pekerja melalui program latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan seterusnya dapat mengurangkan kejadian dan kemalangan terutamanya di persekitaran tempat kerja.

Objektif

- Memberi kefahaman / kesedaran dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan seperti Perundangan, Sistem Pengurusan KKP, Jawatankuasa KKP, Polisi KKP dan perkara berkaitan KKP kepada Pengusaha Kilang/Pekerja/Usahawan IKS.
- Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada Pengusaha Kilang/Pekerja/Usahawan IKS sepanjang berada di tempat kerja.
- Menyediakan dan menggalakkan pelaksanaan pengenalanpastian Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) serta penyediaan prosedur kerja selamat (safe operating procedure) bagi setiap aktiviti yang dijalankan di tempat kerja bagi menangani isu-isu seperti keselamatan bangunan dan di persekitaran tempat kerja.



Kumpulan sasaran :

- Pengusaha Kilang
- Pekerja
- Usahawan IKS

	AGENDA PROGRAM	MASA	PENCERAMAH	URAIAN
1	PENDAFTARAN & MINUM PAGI	08:30 - 09:00		30 M
2	KEPERLUAN PERUNDANGAN KKP DI TEMPAT KERJA	9:00 - 10:30	NIOASH	1 J 30 M
3	PENGENALAN HAZAD, PENILAIAN DAN KAWALAN RISIKO (HIRARC)	10:30 - 12:30	NIOASH	2 J
4	PENYAMPAIAN SIJIL / MAKAN TENGAHARI / BERSURAI	12:30 - 1:30		1 J

For more information, please contact the secretariat :

Phone: 03-8911 3869 | Ms Maya | F : 03-8926 5655 Email : nurmariah@niosh.com.my



COMMUNICATION, BUSINESS AND INFORMATION DISSEMINATION DIVISION (CBID)
NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH (NIOASH)

Lot1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor T : 03-8769 2201 F : 03-8926 5655



www.facebook.com/nioshmalaysia



www.twitter.com/nioshmalaysia